

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG – UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) MAJLIS PERBANDARAN TAIPING 1980

BAHAWASANYA pada menjalankan kuasa – kuasa yang diberi di bawah seksyen 102(t) Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Taiping pada mesyuarat Majlis yang telah bersidang pada 4hb Mac, 1980, telah meluluskan Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Taiping, 1980 (yang mana selepas ini dirujuk sebagai “Undang-Undang Kecil tersebut”);

Oleh itu, maka sekarang ini pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang – Undang Kecil tersebut seperti berikut:

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Taiping, 1980** dan hendaklah dipakai untuk semua kawasan di dalam Majlis Perbandaran Taiping dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

2. Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82(5), 91, 107, 109, 140(2)(a), 160 dan 161 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan kesalahan-kesalahan di bawah mana- mana Undang – Undang Kecil boleh dikompaun oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa secara bertulis bagi pihak beliau.

3. (a) Jumlah yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun sesuatu kesalahan hendaklah tidak melebihi lima ratus ringgit jika kesalahan itu di bawah Akta atau dua ratus lima puluh ringgit, jika kesalahan itu di bawah sesuatu Undang-Undang Kecil.

(b) Pembayaran wang tersebut hendaklah dibuat dengan wang tunai, kiriman wang, wang pos atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Perbandaran Taiping, dan hendaklah dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(c) Pembayaran boleh diserahkan oleh orang yang bersalah kepada orang yang membuat tawaran Kompaun tersebut tetapi jika bayaran dihantar melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping.

(d) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Majlis Perbandaran Taiping dan resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang mana kompaun itu dikeluarkan.

4. Borang di dalam Jadual "A" hendaklah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi ianya boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

5. Borang di dalam Jadual "B" hendaklah digunakan untuk menerima tawaran mengkompaun.

Diperbuat pada 10hb Februari, 1982.

[M.P.T. PEN 10/2.]

IDRIS BIN MAMAT,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Taiping

Disahkan pada 17hb Disember 1981.

HUSSAIN BIN HAJI ANJANG PULAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak

JADUAL "A"
(Undang-Undang Kecil 4)
TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:.....

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil:.....
.....

Butir-butir kesalahan:.....

Tarikh:.....Waktu:.....

Tempat:.....

2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberikan kepada saya oleh Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Taiping 1980, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan, untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran sebanyak \$.....(Ringgit:.....

Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai, kiriman wang, wang pos atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Perbandaran Taiping dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan dengan sendirinya kepada saya di alamat yang berikut:.....

Pembayaran melalui pos hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping. Resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar.

3. Tawaran ini akan habis tempohnya pada.....
jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan tersebut.

Jika tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada.....haribulan....., 19.....

*

*Untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun dan nama serta nama jawatannya mestilah berada di bawah tandatangan.

JADUAL "B"
(Undang-Undang Kecil 4)
PENERIMAAN TAWARAN MENGGOMPAUN

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran,
Taiping

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil.....dalam.....
.....
yang dibawah rujukan.....
dan bertarikh.....saya terima tawaran itu
dan sertakan bersama-sama ini *wang tunai/kiriman wang/wang pos/draf bank
No.....untuk jumlah sebanyak.....
sebagai menjalankan kompaun itu dengan penuhnya.

*Potong mana yang tidak dipakai.

Tandatangan:.....

Nama (*Huruf Besar*):.....

.....

No. K.P:.....

Alamat:.....

.....

Bertarikh:.....